

6H4M

KOREA + EVERLAND THEME PARK

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
AIE04-D7

HARI 01 | KUALA LUMPUR - INCHEON

- Berkumpul di KLIA Terminal 2 untuk menaiki penerbangan ke Incheon.

HARI 02 | INCHEON - CHUNCHEON - SEOUL

MT/MM

Lawatan di **Chuncheon**:

- **Nami Island**: Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semulajadi yang berbeza mengikut musim.
- **Soyanggang Skywalk**: Rasai pengalaman berjalan kaki merentasi Uiamho Lake di atas jambatan berlantaikan kaca sepanjang 174m.
- **Hanok Village**: Sebuah perkampungan tradisional Korea di Seoul dengan sejarah panjang yang terletak di puncak bukit antara Istana Gyeongbok, Istana Changdeok dan Tokong Diraja Jongmyo.

Bermalam di Seoul.

HARI 03 | SEOUL - EVERLAND - SEOUL

SP/MT/MM

- Masa bebas untuk berhibur dan bermain bersama keluarga di taman tema **Everland Theme Park** yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik dan menjadi lokasi tumpuan rakyat tempatan berhibur. Antara tarikan di situ ialah roller coaster, show parade, istana kanak-kanak, taman bunga dan lain-lain.
- Membeli-belah di kawasan terkenal tengah bandar iaitu **Dongdaemun Design Plaza** yang terkenal dengan rekebentuknya yang unik.

Bermalam di Seoul.

HARI 04 | SEOUL

SP/MT/MM

- **Gwanghwamun Gate**: Pintu masuk utama ke istana dan jangan lepaskan peluang melihat upacara pertukaran pengawal yang dilakukan sejak dari tahun 1469 sehingga ke hari ini.
- **Gyeongbokgung Palace**: Dibina pada tahun 1395 ketika era Dinasti Joseon, istana pemerintahan ini merupakan yang terbesar dan tercantik di Korea. Berfoto sambil memakai hanbok.

- Bersiar-siar di **Itaewon Street** yang merupakan kawasan tumpuan penduduk tempatan dengan pelbagai jenis makanan jalanan, persembahan artis jalanan dan kafe-kafe.
- Melawat di **Seoul Central Mosque** yang dibina pada tahun 1976 dan satu-satunya masjid di tengah kota Seoul.
- Membeli-belah di Ginseng Center, Red Pine Tree Shop.
- Membeli-belah di kawasan terkenal **Myeongdong Market** dan **Namdaemun Market** untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.
- Bersiar-siar di sepanjang laluan pejalan **Cheonggye-Cheon Stream** sambil menonton persembahan lampu dan air yang terdapat di sepanjang sungai ini.

Bermalam di Seoul.

HARI 05 | SEOUL - INCHEON

SP/MT/MM

Lawatan di **Seoul**:

- **Starfield Library**: Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.
- Bersiar-siar di **Apgujeong Rodeo Street** yang terletak di Gangnam, yang juga digelar Beverly Hills Korea kerana kawasan ini dipenuhi dengan segala macam jenis butik pakaian berjenama dan berfoto dengan GangnamDols kumpulan K-Pop di **K-Star Road**.
- Membeli-belah di Cosmetic Shop.
- **Hanuel Park**: Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitarnya berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.
- **Hongdae University Street**: Bersiar-siar dan membeli cenderamata atau barangan kraftangan saat akhir di kawasan yang menjadi tumpuan para pelajar universiti.

Bermalam di Incheon.

HARI 06 | INCHEON - KUALA LUMPUR

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur (tiba di KLIA Terminal 2)

Currency

 SOUTH KOREA WON:
KRW 1000

 RINGGIT MALAYSIA:
MYR 3.60

 PERBEZAAN WAKTU
KOREA: GMT+9



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei

Map



TOUR HIGHLIGHTS

1.



NAMI ISLAND:

Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semula jadi yang berbeza mengikut musim.

2.



EVERLAND THEME PARK:

Taman tema terbesar di Korea. Menawarkan pelbagai tarikan antaranya rollercoaster, show parade, zoo, taman bunga, istana kanak-kanak dan banyak lagi.

3.



HANEUL PARK:

Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitar berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.

4.



STARFIELD LIBRARY:

Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.

Hotel Penginapan

3★ Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Incheon	Riviera Incheon Hotel	1 Mlm
Seoul	Golden City Hotel	3 Mlm

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Everland Theme Park, Nami Island, Soyonggang Skywalk & Gyeongbokgung Palace.
- Pengangkutan feri ke Nami Island.
- Pengangkutan golf cart di Haneul Park.
- Kos pemrosesan K-ETA (untuk warganegara Malaysia sahaja).
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 504	KUL - ICN	2220	0610
6	D7 505	ICN - KUL	0725	1225

Harga Pakej Tak Termasuk

- Urusan permohonan K-ETA (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.